

10/03/2004

PM tidak berselindung soal syariah

SHAH ALAM: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menjelaskan, beliau tidak pernah berselindung kepada rakyat mengenai pendirian berhubung soal membabitkan syariah.

Malah, Perdana Menteri berkata, beliau sudah sering bercakap mengenai dasar berkaitan Islam dan apa yang dikehendaki kerajaan berhubung perkara itu.

"Nak cabar, cabarlah. Sejak jadi Perdana Menteri saya terang apa yang saya mahu. Saya tidak berselindung kepada rakyat. Kadangkala saya cakap dalam sesuatu pertemuan," katanya pada sidang media di sini selepas menghadap Sultan Selangor di Istana Bukit Kayangan petang semalam.

Beliau ditanya mengenai kenyataan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, semalam yang mencabar Perdana Menteri menyatakan pendiriannya mengenai undang-undang syariah dan pelaksanaan undang-undang hudud yang diperjuangkan Pas.

Hadi menuduh Abdullah kerap menonjolkan imej sebagai imam yang dipaparkan media tetapi senyap dalam perkara berkaitan syariah.

Katanya, Abdullah tidak berani menyatakan pendiriannya dan sunyi sepi seribu bahasa, tidak seperti Tun Dr Mahathir Mohamad, yang berani secara terbuka di hadapan umum menyatakan pendiriannya dalam persoalan pelaksanaan undang-undang syariah dan hudud.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak perlu berdebat mengenai isu itu kerana Pas sebenarnya mencari kesempatan setelah terdesak kerana ketiadaan isu pada pilihan raya umum sekarang.

Beliau menjelaskan, apa yang dimahukannya ialah sebuah negara yang aman, tidak kacau-bilau dan rakyatnya dilindungi undang-undang.

"Kita mahu memakmurkan negara kita di mana rakyat mendapat bahagian daripada pembahagian ekonomi yang sama rata. Tiada siapa berasa teraniaya. Rakyat hidup aman damai, mereka boleh melakukan ibadat.

"Begitu juga bangsa lain turut mendapat peluang yang sama rata. Malaysia negara yang banyak peluang kerana kerajaan mewujudkan peluang itu untuk rakyat," katanya.

Abdullah berkata, rakyat Malaysia sudah mendengar apa yang beliau katakan dan ia akan ditentukan pada hari pengundian 21 Mac nanti.

"Rakyat akan menentukan sama ada mahu saya terus memimpin negara ini atau tidak," katanya.